

## **POLA PENONTONAN TELEVISYEN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN IBU BAPA KAWASAN FELDA, DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR.**

Johari Bin Hassan & Yazmin Binti Yahya  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**ABSTRAK :** TV Pendidikan disediakan sebagai salah satu saluran menambah keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. TV Pendidikan turut membantu ibu bapa dalam usaha mendidik anak dengan program – program yang disediakan. Maka, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauhmana tahap penontonan TV Pendidikan dalam kalangan ibu bapa, sejauhmana kesedaran ibu bapa terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV serta masalah menonton TV Pendidikan yang dihadapi oleh ibu bapa. Instrumen kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada seramai 169 orang responden. Manakala persampelan adalah berbentuk kaedah persampelan rawak berkelompok dimana responden kajian terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 10 dengan tahap kebolehpercayaan 0.8492. Analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah deskriptif iaitu berbentuk skor min, frekuensi dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan kekerapan penontonan TV Pendidikan adalah di tahap yang rendah manakala persepsi responden terhadap TV Pendidikan dan kesedaran terhadap kewujudan EDUWEBTV di tahap sederhana. Dari segi masalah penontonan TV Pendidikan, masalah kurang kemudahan mencatatkan min masalah penontonan tertinggi berbanding masalah masa siaran dan isi rancangan. Namun begitu, terdapat perbezaan signifikan diantara tahap pendidikan responden dengan kesedaran responden terhadap kewujudan EDUWEBTV.

**ABSTRACT :** Educational Television program was provided as a channel to enhance the effectiveness of teaching and learning process. The contents of this television program also can give ideas to parents on how to guide their children effectively. The purpose of this research was to determine the viewing pattern of Educational TV, the awareness of Educational TV and the existence of EDUWEBTV and the problem faced with viewing Educational TV. The instrument of the research was in the form of questionnaire which was distributed to 169 respondents through randomized group sampling. The data were analyzed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 10.0 for windows with 0.8492 of reliability and presented in the formed of frequencies, percentages and mean. The research showed that the percentage of viewers who watch this Educational TV programme regularly was in the lower level. On the contrary, the perception of Educational TV and the awareness level of EDUWEBTV existence among the respondents were in the average level. For the problem of viewing Educational TV, lack of facilities showed the highest mean as compared to the program contents and unsystematic schedule. However, there was a significant between respondent educational levels with their awareness level of EDUWEBTV existence.

Katakunci : *Educational Television, effectiveness of teaching and learning, EDUWEBTV*

### **PENGENALAN**

Perkembangan teknologi komunikasi memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Sistem komunikasi merupakan alat yang penting untuk menyebarkan maklumat dan juga bertindak sebagai alat komunikasi sesama manusia untuk berhubung. Sistem komunikasi yang digunakan secara meluas untuk menyampaikan maklumat adalah melalui penggunaan radio, televisyen dan internet.

Sistem ini dipanggil sistem penyebaran semasa kerana maklumat atau berita akan disampaikan secara terus kepada kelompok manusia dari semasa ke semasa. Televisyen dianggap sistem komunikasi penyampaian maklumat yang paling berkesan kerana menggunakan dua deria penting manusia iaitu 11 peratus pendengaran dan 83 peratus penglihatan.

Konsep televisyen sebagai medium multimedia dan bersifat interaktif adalah suatu cabaran kerana teknologi televisyen bukan bergantung kepada pantasnya berlaku perubahan tetapi bergantung kepada penghasilan program – program yang dapat menarik perhatian penonton terhadap kekuatan persembahan. Televisyen dikatakan paling berkesan merangsang ingatan terhadap peristiwa – peristiwa dan perlakuan serta maklumat – maklumat penting, disamping sebagai media yang menyeronokkan kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut Atan Long (1980), dengan satu ransangan, televisyen dapat diikuti oleh bilangan pelajar yang tidak terhad dengan syarat mudah menerima siarannya serta menarik masa dan perhatian pelajar untuk mengikutinya. Atas faktor tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menjadikan TV Pendidikan sebagai alternatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Sulaiman, peningkatan taraf hidup dan ekonomi negara mendorong kepada pertambahan permintaan terhadap komputer (1991). Oleh itu, permintaan terhadap komputer semakin meningkat dalam kalangan ibu bapa, sekolah dan masyarakat. Malah, pada tahun 1994, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk memperluaskan bidang komputer dalam pendidikan dengan mewujudkan satu sistem penggunaan komputer di sekolah-sekolah di Malaysia. Melalui sistem ini, aktiviti terancang yang berorientasikan kemahiran mencari, menilai dan menggunakan maklumat untuk tujuan pendidikan ditekankan. Kerajaan turut melancarkan kempen satu rumah, satu komputer bagi menggalakkan penggunaan komputer sebagai satu alat pembelajaran di rumah. Seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin maju, TV Pendidikan telah dikemaskini dengan terlancarnya EDUWEBTV. Banyak perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan mengikut prosedur yang disahkan SIRIM QAS International bagi mencapai tahap kualiti antarabangsa MS ISO 9001:2000.

EDUWEBTV menampilkan kandungan menarik dan berbeza berbanding program TV Pendidikan di televisyen malah telah disuntik beberapa elemen yang menumpu kepada proses pembelajaran dan pengajaran seperti disediakan Kementerian Pelajaran. Selain itu, EDUWEBTV turut menyelitkan komponen seperti hal ehwal semasa, wawancara, video dan siaran langsung yang memaparkan maklumat terkini serta padat dalam bidang pendidikan khusus untuk semua pihak.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Memetik kata – kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1976 sewaktu beliau memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan, “Radio dan TV Pendidikan tidak digunakan dengan memuaskan walaupun kerajaan telah membelanjakan lebih 2 juta ringgit setahun untuk perlaksanaannya”. Sekiranya masalah ini telah dikesan sejak tahun 1970an maka tidak hairanlah ianya masih kekal sehingga ke hari ini walaupun sudah banyak perubahan dilakukan.

Kajian ini bukan sahaja ingin meninjau sejauhmana kesedaran ibu bapa terhadap rancangan TV Pendidikan yang telah wujud berdekad lamanya malah ingin menilai kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap TV Pendidikan di internet yang dikenali sebagai EDUWEBTV. Ini kerana, masih terdapat segelintir masyarakat memandang sepi terhadap pengaruh TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kehidupan walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk memastikan kedua – dua media pendidikan ini dapat mencapai matlamatnya dalam membantu mengatasi masalah kesesuaian masa yang dihadapi oleh pelbagai pihak. Menurut Pengarah Bahagian

Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pelajaran, Datuk Yusoff Harun, kebanyakan guru dan pelajar termasuk di Sabah dan Sarawak menghadapi masalah mengikuti pembelajaran melalui TV Pendidikan termasuk masa tayangannya terhad dan mengganggu jadual guru yang sepatutnya dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, pihak BTP telah mengambil peluang dengan menggunakan EDUWEBTV sebagai salah satu alternatif bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Oleh itu, pengkaji ingin mengenalpasti pemasalahan penontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan ibu bapa sehingga kedua – dua media ini dipandang sepi oleh masyarakat terutama dalam kalangan masyarakat luar bandar. Dengan adanya kajian ini, pihak – pihak berkenaan seperti BTP dapat mencari formula yang sesuai sekiranya merasakan penerbitan mereka tidak mendapat sambutan baik dalam kalangan ibu bapa. Kajian ini diharap dapat membantu pihak berkenaan untuk menarik kembali audien dengan mendengar pandangan dari sudut ibu bapa agar maklumat yang ingin disampaikan dapat disampaikan secara menyeluruh dan tercapai matlamatnya. Ibu bapa juga seharusnya mempunyai inisiatif sendiri untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka terutama dalam bidang teknologi dari semasa ke semasa hal - hal yang berkaitan pendidikan anak – anak.

Oleh itu, kajian ini bertanggungjawab untuk mencari jawapan sebenar terhadap tahap penontonan TV Pendidikan dalam kalangan ibu bapa, meninjau sejauhmana kesedaran ibu bapa terhadap kewujudan EDUWEBTV dan TV Pendidikan serta pemasalahan menonton TV Pendidikan dan EDUWEBTV yang timbul agar situasi sebenar dapat dilihat dengan lebih jelas dan dapat diatasi dengan jayanya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Fokus utama kajian ini adalah untuk :

- i. Menenalpasti sejauhmana tahap penontonan TV Pendidikan dalam kalangan ibu bapa Felda.
- ii. Menenalpasti tahap kesedaran terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan ibu bapa Felda.
- iii. Menenalpasti pemasalahan tontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan masyarakat Felda.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa agar lebih peka terhadap kemudahan teknologi pendidikan yang disediakan terutamanya TV Pendidikan dan EDUWEBTV. Keputusan kajian dapat dijadikan rujukan kepada pihak pemutus dasar dan perancang dalam penontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV terutama kepada Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) tentang keperluan pengubahsuaian dan penambahbaikan dari sudut pandangan ibu bapa. Selain itu, ia dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerbitkan lebih banyak lagi rancangan – rancangan yang berunsur pendidikan mengikut keperluan semasa.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau dan menenalpasti pola penontonan TV Pendidikan di rumah berdasarkan set soal selidik yang diedarkan keatas 169 orang ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah. Gugusan Felda Adela terdiri daripada 4 buah rancangan Felda iaitu Felda Adela, Felda Sening, Felda Kledang dan Felda Tunggal. Namun begitu, kajian dijalankan khusus untuk sebuah Felda di dalam gugusan tersebut iaitu Felda Adela. Dianggarkan jumlah populasi penduduk

yang mempunyai anak yang masih bersekolah adalah 300 orang maka 169 orang responden dipilih dari Felda tersebut sebagai sampel kajian.

Maklumat yang diperolehi adalah terbatas kepada maklumbalas yang bertulis dalam set soal selidik yang dijalankan. Segala dapatan adalah bergantung kepada maklumat yang diberi dan pemerhatian pengkaji. Segala keputusan dan dapatan hasil daripada kajian yang dijalankan mungkin dapat memberi generalisasi untuk kawasan – kawasan Felda lain.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan melibatkan soal selidik dan kaedah tinjauan yang berbentuk perihal atau deskriptif kuantitatif bagi mendapatkan maklum balas dan maklumat yang lebih tepat. Menurut Mohd Majid Konting (1993), penyelidikan dengan cara ini merupakan kajian yang bermatlamat menerangkan satu fenomena yang sedang berlaku.

Kajian ini merupakan satu penyelidikan mencari maklumat daripada responden mengenai sejauhmana tahap penontonan TV Pendidikan dalam kalangan ibu bapa Felda, mengenalpasti tahap kesedaran terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV serta mengenalpasti pemasalahan tontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan masyarakat Felda.

## **SAMPEL KAJIAN**

Populasi kajian terdiri daripada kalangan ibu bapa di kawasan Gugusan Felda Adela daerah Kota Tinggi manakala ibu bapa dikawasan Felda Adela yang mempunyai anak yang masih bersekolah dipilih sebagai sampel kajian. Persampelan yang digunakan secara persampelan rawak berkelompok. Populasi ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah di kawasan tersebut hampir 300 keluarga. 169 orang responden dipilih berpandukan jadual penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie Dan Morgan kerana pengkaji mengambil kira seorang responden sebagai sampel mewakili sebuah keluarga. Jumlah sampel kajian yang ramai akan meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor. Mengikut Kricje dan Morgan di dalam Zaihasra (2000), jumlah 50 peratus adalah mencukupi, 60 peratus baik dan 70 peratus sangat baik.

Jadual 1 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie Dan Morgan (1970).

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	250	152	1400	320
50	44	300	169	2000	322
80	66	420	201	3500	346
100	80	500	217	6000	360
150	108	750	254	15000	375
200	132	1000	278	75000	382

Petunjuk : N = Bilangan Populasi

S = Bilangan Sampel.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah dalam bentuk borang soal selidik. Instrumen ini dibina sendiri oleh pengkaji melalui rujukan daripada bahan – bahan berkaitan dan rujukan lepas. Namun, bagi mendapatkan kesahan ujian, kajian rintis dijalankan. Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik kerana ianya memudahkan pengkaji untuk mendapatkan bahan – bahan mentah daripada responden untuk dianalisis berbanding kaedah kajian yang lain.

## **KAJIAN RINTIS**

Kajian rintis merupakan kajian yang dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 12 orang responden di kawasan sekitar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak – anak yang masih bersekolah. Responden diberikan set soal selidik yang sama dengan set soal selidik yang sebenar bagi memastikan tahap kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan. Menurut Majid Konting (1993), kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama dan hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi setara.

Mohd Najib (1999), menyatakan sampel rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan. Lebih ramai responden digunakan adalah lebih baik. Pemilihan sampel dibuat bertujuan memastikan instrumen kajian yang diguna pakai bersesuaian dengan responden dan mempunyai kesahan ujian.

Penilaian dibuat dengan cara yang sama dengan kajian yang sebenar. Responden diarahkan untuk menjawab dengan jujur agar pengkaji mendapat data yang tepat. Analisis Statistik menggunakan Alpha Cronbach bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan soalan kajian. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), jika nilai pekali kurang dari 0.6, instrumen yang digunakan dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Hasil daripada kajian rintis ini, nilai Alpha Cronbach ialah 0.8492 setelah diproses dengan menggunakan SPSS Window 10. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina menepati kebolehpercayaan seperti yang ditetapkan.

## **ANALISIS DATA**

Majoriti responden seramai 107 orang menyatakan kekerapan mereka menonton TV Pendidikan adalah secara kebetulan. Ini diikuti dengan tontonan setiap hari seramai 23 orang (13.6 peratus), 2 hingga 3 kali seminggu seramai 22 orang (13 peratus), seminggu sekali seramai 11 orang (6.5 peratus) dan sebulan sekali seramai 6 orang (3.6 peratus). Namun begitu, tiada responden yang tidak pernah menonton TV Pendidikan.

Bagi item bila responden menonton TV pendidikan (item 2), waktu malam merupakan jumlah pilihan terendah seramai 8 orang (4.7 peratus) dan diikuti waktu petang seramai 9 orang (5.3 peratus). Majoriti responden seramai 152 orang menyatakan mereka menonton TV Pendidikan pada waktu pagi (89.9 peratus). Hasil dapatan kajian dari item 3 mendapati majoriti responden menyatakan mereka menonton TV Pendidikan di rumah (94.7 peratus) berbanding di tempat kerja sebanyak 4.7 peratus. Terdapat seorang (0.6 peratus) responden memilih lain – lain.

Dapatan dari item 4 mendapati majoriti iaitu 123 orang (72.8 peratus) responden menonton TV Pendidikan kurang 30 minit diikuti 33 orang (19.5 peratus) responden memilih 31 hingga 59 minit tempoh menonton. 12 orang responden menonton TV Pendidikan selama 1 hingga 2 jam dan seorang responden bagi kategori lain – lain. Tiada responden yang menonton TV Pendidikan lebih 2 jam. Item 5 menunjukkan 87 orang (51.5 peratus) responden menonton TV Pendidikan sendirian, 78 orang (46.2 peratus) responden menonton bersama keluarga dan 4 orang (2.4 peratus) responden menonton TV Pendidikan bersama rakan – rakan.

Untuk bahagian menggunakan skala likert, skala yang digunakan adalah skala likert 4 mata yang mengandungi Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Setuju serta Sangat Setuju dan telah dikecilkan kepada Setuju dan Tidak Setuju sahaja. Ini bagi melihat dengan mudah tahap setuju atau tidak setuju seseorang responden terhadap item yang dikemukakan serta memudahkan penyelidik membuat analisa. Jadual di bawah menunjukkan taburan kekerapan, peratusan dan min responden terhadap tahap penonontonan TV Pendidikan dalam kalangan ibu bapa.

96 orang (56.8 peratus) responden berasa seronok menonton rancangan TV Pendidikan berbanding 73 orang (43.2 peratus) yang tidak bersetuju (item 6). Berbeza dengan item 7 yang menunjukkan 37 orang (21.9 peratus) responden sangat tidak setuju bahawa mereka tidak akan mengubah siaran televisyen apabila TV Pendidikan disiarkan dan diikuti 98 orang (58.0 peratus) tidak setuju. Hanya 34 orang (20.1 peratus) bersetuju bahawa mereka tidak akan mengubah siaran TV Pendidikan. Ini dikuatkan lagi pernyataan pada item 8 dengan 30 orang (17.8 peratus) responden sangat tidak setuju bahawa mereka tidak mengantuk apabila menonton siaran TV Pendidikan manakala 95 orang (56.2 peratus) tidak setuju. Hanya 44 orang (26.1 peratus) responden setuju.

Item 9 menunjukkan 42 orang (24.9 peratus) sangat tidak setuju lebih berminat menonton TV Pendidikan berbanding hiburan dan diikuti 104 orang (61.5 peratus) responden tidak setuju. Hanya 23 orang (13.6 peratus) responden bersetuju. Oleh itu, majoriti responden lebih berminat menonton rancangan hiburan berbanding TV Pendidikan. Item 10 dan 11 menunjukkan perkaitan yang amat rapat. Hasil dapatan item 10 menunjukkan 147 orang (87.0 peratus) responden tidak bersetuju bahawa mereka mengisi masa lapang dengan menonton TV Pendidikan. Walaubagaimanapun, 70 orang (41.4 peratus) responden bersetuju TV pendidikan tidak membazirkan masa mereka untuk ditonton walaupun menonton TV Pendidikan bukan salah satu aktiviti mengisi masa lapang mereka. Namun begitu, 37 orang (21.9 peratus) sangat tidak setuju dengan item 11 tersebut. Ini diikuti dapatan dari item 12 yang menunjukkan 124 orang (73.4 peratus) responden tidak bersetuju bahawa mereka lebih berminat menonton TV Pendidikan berbanding rancangan berunsur hiburan lain seperti Sesame Street dan sebagainya.

Item 13, 15, 16, 17 dan 18 menunjukkan persetujuan responden terhadap pernyataan yang diberikan. 34 orang (20.1 peratus) responden sangat setuju bahawa TV pendidikan membantu mereka mendidik anak. Hasil kajian bagi item 15 menunjukkan 33 orang responden (19.5 peratus) amat setuju bahawa TV Pendidikan membantu dalam pembelajaran anak mereka dan 104 orang (61.5 peratus) responden setuju. Namun begitu, 32 orang (18.9 peratus) tidak setuju. Item 16 dengan nilai min tertinggi iaitu 3.18 menunjukkan 45 orang (26.6 peratus) responden sangat setuju menggalakkan anak – anak menonton TV Pendidikan dan diikuti 110 orang setuju.

156 orang (92.3 peratus) responden bersetuju bahawa mereka memperoleh banyak pengetahuan apabila menonton TV Pendidikan dengan min 3.08 dan merupakan min kedua tertinggi manakala 140 orang (82.8 peratus) responden dengan min 2.96 bersetuju bahawa TV Pendidikan mudah untuk difahami. Pernyataan – pernyataan ini berhubung dengan faedah – faedah yang diperolehi oleh ibu

bapa apabila menonton TV Pendidikan. Walaubagaimanapun, item 14 dengan min terendah 1.75 menunjukkan 58 orang (34.3 peratus) responden sangat tidak setuju suka merakam TV Pendidikan untuk tontonan bersama anak – anak dan diikuti 96 orang (56.8 peratus) tidak setuju. Hanya 15 orang (8.9 peratus) responden setuju dengan item tersebut.

Purata keseluruhan bagi objektif kajian 1 ini adalah majoriti 50.62 peratus responden tidak bersetuju dengan penerimaan keatas penontonan TV Pendidikan manakala hanya 49.38 peratus responden yang bersetuju. Purata min yang didapati adalah 2.46 dan berada di tahap sederhana.

Item 19 menunjukkan hasil dapatan berikut, 152 orang (90 peratus) responden mengetahui wujudnya siaran TV Pendidikan manakala 17 orang (10.1 peratus) responden tidak mengetahui wujudnya TV Pendidikan. Item 20 dengan min tertinggi iaitu 3.16 mendapati majoriti responden (168 orang) mengetahui bahawa TV Pendidikan telah disiarkan di TV 9. Ini diikuti item 21 menunjukkan dapatan bahawa 67.5 peratus responden mengetahui waktu siaran TV Pendidikan berbanding 32.5 peratus tidak mengetahuinya.

Jadual 4.2.4.1 : Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pemasalahan Tontonan TV Pendidikan Dan EDUWEBTV Dalam Kalangan Masyarakat Felda. Bagi menjawab persoalan kajian pemasalahan tontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan masyarakat Felda, dapatan kajian mendapati 105 orang (62.1 peratus) responden bersetuju mengatakan mereka tidak mempunyai masa untuk menonton rancangan TV Pendidikan sepanjang waktu siaran. Walaubagaimanapun, 64 orang (37.9 peratus) responden tidak bersetuju bahawa mereka tiada masa untuk menonton TV Pendidikan. Ini diikuti item 31 dengan min 2.35 yang menunjukkan 106 orang (62.7 peratus) responden bersetuju bahawa waktu siaran TV Pendidikan tidak sesuai manakala 63 orang (37.3 peratus) setuju dengan item 31 tersebut.

Tahap peratusan dan min bagi aspek faedah yang diperolehi apabila menonton TV Pendidikan dan perasaan responden apabila menonton TV Pendidikan. 60.16 peratus responden dengan 47.66 peratus darinya bersetuju bahawa aspek perasaan dan faedah yang diperolehi mempengaruhi penerimaan responden terhadap tahap penontonan TV Pendidikan. Hanya 9.79 peratus sangat tidak setuju bahawa aspek – aspek tersebut terlibat dalam menilai tahap penontonan ibu bapa terhadap TV Pendidikan dengan 30.05 peratus tidak bersetuju. Oleh itu, tahap penilaian responden berdasarkan peratusan dan min ini berada di tahap yang sederhana.

Tahap peratusan dan min bagi aspek kesedaran responden terhadap kewujudan TV Pendidikan di televisyen, kesedaran terhadap perkhidmatan EDUWEBTV di internet dan kesedaran terhadap kebaikan - kebaikan yang terdapat pada TV Pendidikan dan EDUWEBTV. 60.77 peratus sedar manakala hanya 26.01 peratus responden tidak sedar terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV berdasarkan ketiga – tiga aspek diatas. Purata responden bersetuju bahawa mereka sedar terhadap ketiga – tiga aspek yang dikemukakan adalah 70.61 peratus diikuti dengan 29.39 peratus tidak bersetuju. Oleh itu, tahap penilaian responden berdasarkan peratusan ini berada di tahap yang tinggi .

## **PERBINCANGAN**

Perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan menggalakkan kemunculan, perkembangan dan penciptaan pelbagai media pengajaran dan media penyampaian maklumat yang baharu. TV Pendidikan turut tidak ketinggalan lebih – lebih lagi dengan pelancarannya di internet dan dikenali sebagai EDUWEBTV seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Walaubagaimanapun, tahap

penontonan dan kesedaran terhadap TV Pendidikan dan EDUWEBTV masih tetap dipersoalkan. Justeru itu, sebagai sumbangan kearah melihat jawapan kepada persoalan yang timbul berkenaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV, satu kajian telah dijalankan khusus untuk menilai ibu bapa dalam penontonan TV Pendidikan, kesedaran terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV serta pemasalahan dalam penontonan TV Pendidikan dan EDUWEBTV. Ini kerana, untuk melahirkan generasi yang cemerlang pada masa akan datang bermula dari rumah dan ibu bapa memainkan peranan yang penting.

Dalam menjawab segala persoalan kajian yang dikemukakan, kajian menggunakan persampelan rawak berkelompok untuk memilih responden kajian yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak – anak yang masih bersekolah. Instrumen kajian adalah dengan mengedarkan borang soal selidik yang mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A yang terdiri daripada profil responden, bahagian B bagi mengenalpasti tahap penontonan TV Pendidikan dalam kalangan responden kajian, bahagian C untuk mengenalpasti kesedaran responden kajian terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dan bahagian D untuk mengenalpasti pemasalahan dalam menonton TV Pendidikan dan EDUWEBTV. Pengkaji menggunakan skala thurstone dan skala likert empat mata untuk mengukur maklum balas responden kajian.

TV Pendidikan telah ditamatkan siarannya sejak Januari 2009. Kini, TV Pendidikan hanya boleh ditonton di EDUWEBTV. Namun begitu, pelancaran EDUWEBTV ini selepas kajian dilaksanakan. Oleh itu, dapatan kajian tertumpu kepada tahap penontonan TV Pendidikan oleh ibu bapa Felda terhadap, kesedaran terhadap kewujudan TV Pendidikan dan EDUWEBTV serta pemasalahan menonton TV Pendidikan.

## **RUJUKAN**

- Atkinson, D.F Dan Locatis, N.C (1984). “Media And Technology For Education And Training”. Charles E. Merrill Publishing Company : Columbus, Ohio.
- Azizi Yahaya. *et.al* (2006), “Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis Dan Interpretasi Data”. Selangor : PTS Professional Publishing Sd. Bhd.
- Baharuddin Aris, Jamalludin Harun, Noraffandy Yahaya Dan Zaidatun Tasir (2000). “Siri Modul Pembelajaran : Teknologi Pendidikan”. Jabatan Multimedia Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Crnic, K., & Acevedo, M. (1995). “Everyday Stresses And Parenting.” In M. H. Bornstein (Ed.), *Handbook Of Parenting* (pp. 277–297). Hillsdale, NJ7 Lawrence Erlbaum Associates.
- Downes, T. (1993). “Student-Teachers” Experience In Using Computers During Teaching Practice.” *Computer Assisted Learning*, 9: 17-33.
- Faridah Abu Hasan *et.al* (2005). “Kemiskinan Dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik1”. Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Wacana Intelektual Pendidikan (sesi tertutup) anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Guthrie, M. (1967). “Teaching And Television”. Rediffusion TV Ltd : London.
- Jovinia Danil (2000). “Kajian Penggunaan TV Pendidikan Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Bandaraya Johor Bahru”. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus (ed.) *et.al*. (1998). “Peningkatan Kemahiran Keibubapaan: Intervensi Awal Terhadap Keluarga Termiskin”. Laporan penyelidikan, Universiti Malaya UNICEF-INFRA. Dokumen tidak diterbitkan.
- Leong Yin Ching, Cheong Siew Yoong, Chew Sing Buan, Suradi Salim, T. Marimuthu, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Rahman Abdul Rashid, dan Lily Chew Suk-Men. (1990). “Factors



- Influencing the Academic Achievemen of Students in Malaysian Schools”. Ringkasan pembentangan kepada bahagian penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohammad Hasnezam Abdullah (2001). “TV Pendidikan Di Sekolah : Satu Tinjauan Di Kalangan Guru Seluruh Sekolah Menengah Teknik Negeri Kelantan Darul Naim”. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Husaimie Che Omar (2003). “Penggunaan Rancangan Pendidikan”. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Pisapia, J. (1994). “Teaching and technology: Roles and styles”. Research brief # 5. (Report No. UD031892) (ERIC Document Reproduction Service No. ED 411358).
- Siti Sarawati Johar (2006). “Gaya Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya Dengan Tahap Motivasi Guru Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi, Johor”. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Television Viewing To School Readiness And Vocabulary Of Children From Low-Income Families: The Early Window Project. *Child Development*, 72, 1347–1366.
- Universiti Teknologi Malaysia (2002). “Panduan Menulis Tesis”. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wolfendale. S (1992). “Empowering Parents And Teachers: Working For Children”. Cassell: Biddles Ltd, Guildford And Kings” Lynn. England
- Wolfendale. S (1985). “Parental Participation In Children’s Development And Education”. United State : Gordon And Breach, Science Publishers. Inc.
- Wright, J. C., Huston, A. C., Murphy, K. C., St. Peters, M., Pin~On, M., Scantlin, R., Et Al. (2001). The Relations Of Early.
- Zaihasra Abdullah (2000). “Penontonan Rancangan TV Pendidikan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 1 & 2 Di Sekolah-Sekolah Di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu”. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.